

Semua PBT diingat terap konsep mesra rakyat

UM 2 2 DEC 2002

KUALA LUMPUR 21 Dis. — Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini mengingatkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya bertindak menumpukan perhatian kepada penerapan konsep mesra rakyat dalam usaha mengatasi masalah kegagalan memungut cukai di kawasan masing-masing.

Timbalan Menteri, Datuk M. Kayveas berkata, kegagalan PBT menerapkan konsep tersebut merupakan antara punca utama sebahagian besar penduduk negara ini tidak mahu tampil untuk membayar cukai.

Katanya, PBT seolah-olah berada pada kedudukan yang terlalu 'gagah' sehinggakan menyukarkan penduduk membincangkan sesuatu masalah.

"Kita juga dapati sebahagian besar pegawai-pegawai PBT tidak mengendahkan keadaan penduduk dan ini menyebabkan

penduduk menjadi keberatan untuk melaksanakan tanggungjawab membayar cukai pintu dan sebagainya," katanya dalam sidang akhbar yang diadakan di ibu pejabat Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang membidas PBT kerana malas memungut cukai hingga menyebabkan mereka gagal mendapat pungutan yang baik.

Dr. Mahathir berkata, sikap tersebut menyebabkan PBT tidak mempunyai pendapatan yang cukup bagi melaksanakan projek pembangunan sehinggakan terpaksa memohon bantuan daripada Kerajaan Pusat.

Mengulas lanjut, Kayveas berkata, PBT juga diminta menghapuskan persepsi antipenduduk sekiranya mahu meningkatkan keberkesanan urusan pungutan hasil di kawasan masing-masing.